



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

SIARAN MEDIA

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF CYBERSECURITY MALAYSIA DIANUGERAHKAN IJAZAH DOKTOR KEHORMAT OLEH UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

DURIAN TUNGGAL (5 November 2022) - Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, YBhg. Dato' Ts. Dr Haji Amirudin Abdul Wahab FASc hari ini dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat daripada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada Majlis Konvokesyen kali ke-18 yang berlangsung di Dewan Canselor UTeM.

Ini merupakan penganugerahan ulung oleh sebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia khususnya UTeM terhadap bidang keselamatan siber sekali gus melambangkan kepentingan bidang ini dalam proses pendigitalan Malaysia.

Hubungan kerjasama antara CyberSecurity Malaysia dan UTeM telah terjalin sejak sekian lama di mana dalam tempoh tersebut UTeM telah berjaya melahirkan ramai graduan PhD dan Master yang mengisi peluang pekerjaan dalam bidang keselamatan siber di Malaysia. Pelbagai inisiatif dilaksanakan menerusi kolaborasi strategik CyberSecurity Malaysia dan UTeM, antaranya:

- i. Berkongsi kepakaran keselamatan siber melalui penyelidikan *malware*;
- ii. Membantu UTeM menjuarai Dana Pusat Kompetensi Keselamatan Siber, di mana para graduan UTeM telah berjaya memperolehi pensijilan Global ACE (Global Accredited Cybersecurity Education);
- iii. Membangunkan journal bagi penerbitan 'OIC-CERT Journal of Cybersecurity';
- iv. Menubuhkan Konsortium Cyber Range dengan menjadikan UTeM sebagai penggerak utama;
- v. Mengangkat UTeM sebagai pusat peperiksaan profesional keselamatan siber;
- vi. Melahirkan para graduan keselamatan siber dan teknologi informasi di UTeM yang berupaya menembusi pasaran dunia melalui kolaborasi kurikulum dan latihan kemahiran antara dua intitusi;
- vii. Membantu UTeM meningkatkan dana penyelidikan keselamatan siber;
- viii. Mewujudkan Anugerah Industri kepada para pelajar dengan sokongan syarikat-syarikat melalui kerjasama CyberSecurity Malaysia menerusi projek CMERP.

**Dikeluarkan oleh:
Jabatan Outreach & Komunikasi Korporat
CyberSecurity Malaysia**

LAMPIRAN 1

BIODATA
YBHG. DATO' TS. DR HAJI AMIRUDIN ABDUL WAHAB FASC

Dato' Ts. Dr Haji Amirudin Abdul Wahab merupakan anak jati kelahiran Mersing, Johor. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Horley Methodist, Teluk Intan Perak sebelum melanjutkan pelajaran di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, Kedah dan Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putra, Kangar, Perlis.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Sains dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dari Universiti Michigan, Ann Arbor, Amerika Syarikat; Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Universiti Duqubue, Iowa, Amerika Syarikat dan Doktor Falsafah (PhD) dari Pusat Pengajian Teknologi Maklumat & Kejuruteraan Elektrik (ITEE), Universiti Queensland, Australia. Beliau juga berkelulusan Ijazah Sarjana dalam bidang Teknologi Maklumat dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Dato' Ts. Dr Haji Amirudin memulakan kerjaya sebagai Jurutera di sebuah syarikat MNC di Malaysia dan kemudiannya berpindah ke sektor telekomunikasi sebagai kakitangan perintis di Binariang Sdn Bhd (kini Maxis). Laluan kerjaya beliau dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bermula di Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), seterusnya di Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS) sebelum berkhidmat di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sebagai Setiausaha Bahagian, Bahagian Dasar ICT dan akhirnya dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia pada 2013 sehingga kini.

Di bawah kepimpinan beliau, CyberSecurity Malaysia telah menyumbang kepada pelbagai pencapaian negara di peringkat antarabangsa antaranya, penyumbang utama pencapaian cemerlang pada Indeks Keselamatan Siber Global di bawah Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU), di mana Malaysia telah diiktiraf sebagai 10 negara teratas dunia dalam kalangan lebih 140 buah negara yang memberi komitmen tinggi terhadap isu keselamatan siber dari aspek Perundangan, Teknikal, Organisasi, Pembinaan Kapasiti dan Kerjasama pada 2014, 2017, 2018 dan 2020; dilantik sebagai Sekretariat Tetap Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC-CERT) sejak 2013 sehingga kini; Pengurus Bersama Kumpulan Kerja Keselamatan Siber untuk Majlis Kerjasama Keselamatan di Asia Pasifik (CSCAP) sejak 2015; Timbalan Pengurus Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer Asia Pasifik (APCERT) bagi 2015 hingga 2019 dan Pengurus APCERT sejak 2019 hingga kini; dinobat sebagai 'Pemenang Hadiah Sidang Kemuncak Dunia Persatuan Maklumat (WSIS)' 2020 dan memenangi 'Hadiah Juara' selama dua tahun berturut-turut pada 2016 dan 2017 selain mendapat pengiktirafan organisasi bertaraf dunia seperti INTERPOL.

Dato' Ts. Dr Haji Amirudin turut cemerlang atas kapasiti beliau sebagai tokoh ICT dan pakar keselamatan siber apabila beliau dianugerahkan pelbagai pencapaian serta pengiktirafan, antaranya Pengurus World Trustmark Alliance (WTA) bagi 2014 dan 2015; Ketua Pegawai Maklumat/ Keselamatan Cemerlang di Sidang Kemuncak dan Anugerah ASEAN CSO ke-10 di Ho Chi Minh City, Vietnam pada 2014; menerima Anugerah CSO30 ASEAN pada 2021 serta Anugerah Peneraju Terbilang Ekonomi Digital Dunia 2022 oleh Institut Strategik KSI untuk Asia Pasifik pada 2022.